

05/07/2005

PROTON-HIBRID

PROTON AKAN PERKENAL KERETA HIBRIDNYA DALAM TEMPOH KURANG LIMA TAHUN

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Proton Holdings menjangka memperkenalkan kereta hibrid pertamanya dalam tempoh kurang daripada lima tahun, kata penasihatnya Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kita perlu melihat masa depan," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini, dan menambah pengeluar kereta nasional itu berusaha keras untuk menjayakan projek tersebut.

Kereta hibrid menggunakan dua bentuk tenaga untuk menggerakannya iaitu bahan bakar normal dan bateri atau kuasa elektrik.

Dr Mahathir berkata kemungkinan di masa depan, kereta berkuasa petrol tidak akan dibenarkan berada di jalan raya.

Beliau berkata kereta yang tidak mencemar alam sekitar menerima rebat di beberapa negara. -- BERNAMA

UHS SHO SD ZK